



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

16 Nov2021 (Tuesday)

Berita Harian

| | |
|--|---|
| Penonton di stadium perlu jaga adab, patuh SOP | 1 |
| Hodak bimbang kebangkitan Selangor | 2 |

Utusan Malaysia

| | |
|--|---|
| Batu Caves berpotensi jadi pusat astronomi | 3 |
| 'Jawatan Hasnul? Tunggu siasatan polis' | 4 |
| Gergasi Merah akan bangkit | 5 |

The Star

| | |
|---|----|
| COUNCIL NOTICE | 6 |
| Free saplings for Bukit Gasing residents | 7 |
| Smartphone subsidy open to B40 folk in Bukit Gasing | 8 |
| Financial aid for asnaf recipients | 9 |
| 'Delay in CPTPP ratification has cost us' | 10 |

Traxx FM (90.3)

| | |
|---|----|
| Selangor International Business Summit 2021 | 11 |
|---|----|

China Press

| | |
|---|----|
| Ng Sze Han encourages city councillors to provide medicine and aid to schools | 12 |
|---|----|



| KERATAN AKHBAR | | |
|-------------------------|---|--|
| 16 November 2021 | | |
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Penonton di stadium perlu jaga adab, patuh SOP |
| Muka Surat | : | 13 |

Penonton di stadium perlu jaga adab, patuh SOP

Mohd Salleh Lebar,
Terengganu

Aksi bola sepak Piala Malaysia sudah tiba penghujungnya, yang mana lapan pasukan berjaya mara ke peringkat suku akhir.

Setiap pasukan akan pasti berusaha ber-sungguh-sungguh untuk melepasi halangan dan seterusnya mara untuk berada dalam kelompok peringkat separuh akhir. Dalam aksi seterusnya nanti sudah pasti pelbagai hal akan berlaku kerana ia membolehkan perlawanan yang amat penting.

Oleh itu, setiap pemain dan pasukan tentu ingin mendapatkan kemenangan demi kemenangan bagi memastikan piala yang berprestij menjadi milik mereka. Tidak ketinggalan juga penyokong pasukan masing-masing pasti tidak ketinggalan memberi sokongan dan sorakan apabila pasukan kegembiraan menang dalam sesuatu perlawanan.

Namun, apa yang mendatangkan duka cita apabila ada segelintir penonton yang bertindak keterlaluan dalam memberi sokongan. Misalnya, beberapa penyokong Terengganu FC (TFC) melompat pagar menyerbu dalam padang dan memeluk pemain TFC, Jordan Mintah selepas gol kedua dihasilkannya.

Dalam perlawanan diadakan di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, TFC menang 3-1 mengatasi Selangor FC dalam kumpulan B.

Mungkin disebabkan teruja dengan gol kemenangan itu, penonton bertindak di luar kawalan gara-gara ghairah meraikan gol. Keghairahan itu da-

pat difahami kerana kemenangan itu menjadikan TFC juara Kumpulan B.

Pada era 1960-an di Malaysia memang pernah berlaku perkara begini, yang mana ada penyokong memasuki padang dan memeluk pemain bagi meraikan kemenangan pasukan kesayangannya. Pada masa itu, pagar keselamatan di tepi padang dalam stadium belum diwujudkan dan memang agak mudah penyokong menyerbu ke padang.

Namun, pada zaman ini, apatah lagi dalam kedudukan kita yang mengamalkan gaya hidup norma baharu, kejadian penonton melepasi pagar keselamatan untuk meraikan kemenangan sebegini tidak sepatutnya berlaku. Hal ini disebabkan, pada dasarnya mereka yang dibenarkan masuk ke stadium sudah memahami keperluan untuk menjaga prosedur operasi standard (SOP).

Bagaimanapun, penyokong TFC tidak boleh juga disalahkan 100 peratus dan dikenakan denda. Mereka tidak membuat rusuhan dan menyerang sesiapa. Sebaliknya mahu menunjukkan rasa kegembiraan yang keterlaluan. Mereka adalah penyokong setia dan tidak sabar untuk meraikan kemenangan walau apa cara pun.

Justeru, dalam hal ini, ada baiknya Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) membuat pemeriksaan terperinci dan jangan cepat menyalahkan kepada penonton semata-mata. Tambahan pula, mereka tidak bertindak agresif dan mencederakan sesiapa. Kalau hendak hukum atau denda kepada penonton biar-

lah secara adil atau munasabah.

Dalam aksi bola sepak macam-macam hal boleh berlaku. Ada penonton memaling objek ke dalam stadium dan ada yang membakar tempat duduk stadium kerana tidak puas hati terhadap pengadil dan pelbagai tingkah laku lagi. Semua ini boleh dianggap lumrah dalam gelanggang bola sepak yang boleh terjadi bila-bila masa.

Namun, ia bukan sesuatu yang tidak boleh dibendung. Justeru, tuan rumah dalam setiap perlawanan perlu memberi perhatian serius terhadap hal berkaitan kemudahan dan juga keselamatan pemain dan penonton. Penonton perlu diawasi sepanjang masa. Lebih penting, pagar keselamatan mesti mencapai standard piawaian keselamatan yang sepatutnya. Jika ia tidak cukup tinggi, perbaiki atau diubah suai.

Seandainya semua kawalan keselamatan sudah mencukupi dan lengkap bolehlah salahkan kepada penyokong sekiranya mereka masih mampu memanjat pagar dan menceroboh ke dalam padang stadium.

Episod yang berlaku itu perlu diambil iktibar oleh mana-mana penonton atau penyokong, kelab penyokong sesebuah pasukan dan pihak tuan rumah dalam sesuatu aksi perlawanan yang kompetitif. Bagi penonton yang ingin menyaksikan perlawanan bola sepak datang dengan adab dan jaga disiplin diri juga kawal perasaan anda dengan baik.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR | | |
|-------------------------|---|------------------------------------|
| 16 November 2021 | | |
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Hodak bimbang kebangkitan Selangor |
| Muka Surat | : | 54 |

Hodak bimbang kebangkitan Selangor

Kuala Lumpur: “Kita perlu fikir 0-0.” Demikian pandangan pengendali KL City FC, Bojan Hodak meskipun anak buahnya membawa bekalan dua gol di tempat lawan menuju aksi suku akhir kedua berdepan Selangor FC, Khamis ini.

Jelas pengendali dari Croatia itu berkata, mereka tetap perlu berwaspada dengan kebangkitan yang mampu dijelmakan The Red Giants apatah lagi masih ada 90 minit yang perlu ditempuhi di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur nanti.

“Kita bukanlah pasukan pilihan. Selangor adalah Real Madrid Malaysia dan pencapaian mereka sebelum ini menunjukkan mereka pasukan terbesar dalam negara ini.

“Mereka memiliki penyerang dan pemain tengah terbaik, jadi satu kejayaan apabila kami dapat menyekat mereka.

“Walaupun memiliki kelesi-



Pemain Kuala Lumpur City FC, Ryan Edward Lambert Lee Kit Seng (kiri) mengasak pemain Selangor FC, Shahrul Nazeem Zulpakar pada saingan suku akhir pertama di Kelana Jaya.
 (Foto Aswadi Alias)

han tetapi ada lagi 90 minit, jadi kita tidak boleh sambil lewa dan kena anggap 0-0. Kita perlu menang juga,” katanya.

Terdahulu, aksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu menyaksikan skuad ‘Warga Kota’ membenam juara 33 kali itu dengan keputusan 2-0.

Gol daripada setiap babak menerusi Morales dan Hadin Azman meletakkan KL City dalam kedudukan terbaik untuk slot ke separuh akhir.

Sementara itu, pengendali skuad Merah Kuning, Karsten Neitzel mengakui ketiadaan pemain berpengalaman menyebabkan persembahan mereka goyah sekali gus aksi ‘yo yo’ yang dipergakan pemain mereka.

“Ini bukan persembahan terbaik kita di mana kita menguasai permainan tetapi tidak banyak mencipta peluang. Kita tidak berbahaya dalam kawasan KL City,” katanya.



| | | |
|-------------------------|---|--|
| KERATAN AKHBAR | | |
| 16 November 2021 | | |
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Batu Caves berpotensi jadi pusat astronomi |
| Muka Surat | : | 19 |

Batu Caves berpotensi jadi pusat astronomi

SAUDARA PENGARANG,

BERIKUTAN Covid-19 menuju fasa endemik, maka banyak sektor ekonomi dibuka termasuk pelancongan.

Antara tempat kunjungan wajib pelancong sebelum ini ialah Kuil Sri Subramaniam Swamy, Batu Caves, Selangor yang menjadi pusat kaum India beribadat terutama setiap kali tiba perayaan Thaipusam yang akan disambut pada 18 Januari ini.

Bagi saya, Batu Caves boleh menarik lebih ramai pelancong sekiranya ditonjolkan naratif baharu dalam bentuk mitos atau penceritaan zaman dahulu yang dianggap benar ada kaitan dengan pelbagai kaum.

Mitos Mahsuri wanita berdarah putih yang dikaitkan dengan Pulau Langkawi boleh dijadikan sebagai contoh.

Untuk mengetahui apakah tarikan itu, kita harus mengetahui keunikan Batu Caves yang terdapat patung Dewa Murugan atau Dewa Subramaniam setinggi 42.7 meter yang dikatakan tertinggi di dunia.

Kita juga pernah melihat penganut Hindu mengusung kavadi atau benda berhias yang diusung pada bahu sambil melaungkan *vel, vel* ketika Thaipusam. *Vel* bermaksud lembing yang menjadi senjata dewa peperangan terbabit.

Dewa Murugan yang popular dalam kalangan masyarakat India selatan dikatakan berasal dari gugusan tujuh bintang bernama Pleiades yang terletak kira-kira 400 tahun cahaya dari bumi.

Gugusan bintang yang dikenali sebagai Al-Thurayya dalam bahasa Arab turut disebut dalam al-Quran, surah an-Najm.

Dalam sejarah Melayu, Sultan Aceh berasal dari Pahang bergelar Sultan Iskandar Thani (1638-1641) dalam surat kepada pemerintah Belanda menyifatkan dirinya mempunyai perwatakan diri seperti bintang Pleiades.

Masyarakat Nordik (Eropah utara) seperti Denmark, Finland, Iceland, Norway and Sweden juga mempunyai mitos sama mengenai dewa-dewa dari Pleiades.

Ada pihak mengaitkan dewa-dewa dari Pleiades sama dengan watak dalam filem karya Marvel Studios yang terbaharu iaitu *Eternals* tetapi dalam tradisi agama Hindu ia agak berbeza kerana dewa dianggap perantara antara Tuhan dan manusia.

Dalam pada itu, masyarakat Orang Asli Temuan yang banyak mendiami gua-gua di Batu Caves suatu ketika dahulu juga mengetahui mengenai Pleiades dan gugusan bintang ini dinamakan Bintang Lunga.

Bintang Lunga ialah buruj, iaitu gugusan bintang yang kelihatan membentuk corak tertentu di langit pada waktu malam.

Bagi masyarakat terbabit, kenampakannya di langit menandakan musim buah-buahan di hutan mula masak seperti buah keranjil, rotan dan tampoi.

Pesawah di utara Semenanjung juga merujuk bintang ini sebagai Bintang Tujuh atau Bintang Ketika yang terletak bertentangan dengan buruj Belantik (Orion).

Bila gugusan bintang Pleiades dapat dilihat dari sebelah timur, itu menunjukkan sudah tiba Ogos yang dianggap waktu terbaik untuk menabur benih padi.

Di peringkat antarabangsa, kita sudah tentu mengenali jenama kereta, Subaru yang sebenarnya adalah perkataan dalam bahasa Jepun yang merujuk kepada gugusan bintang Pleiades.

Oleh itu, saya berharap Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di Batu Caves yang diuruskan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dapat menyediakan maklumat mengenai Pleiades untuk bacaan pelancong.

Boleh juga dikaji kesesuaian menjadikan kawasan berkenaan sebagai pusat pendidikan dalam bidang astronomi.

Mungkin sesuai juga dibina balai cerap di Batu Caves untuk dikunjungi pelancong pada waktu malam bagi memerhati gugusan bintang di langit.

SUKA MELANCONG
 Gombak, Selangor



ANGGOTA polis mengawal pekarangan Kuil Sri Subramaniam Swamy, Batu Caves, Selangor dengan latar belakang patung Dewa Murugan pada Januari lalu. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 16 November 2021

| | | |
|--------------|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | 'Jawatan Hasnul? Tunggu siasatan polis' |
| Muka Surat | : | 30 |

'Jawatan Hasnul? Tunggu siasatan polis'

SHAH ALAM: Kedudukan Hasnul Baharuddin sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) akan ditentukan melalui hasil siasatan pihak berkuasa serta keputusan yang dibuat partinya, Parti Amanah Negara (Amanah).

Hal berkenaan dimaklumkan Yang Dipertua DUN, Ng Suee Lim sambil menegaskan pihaknya akan mengambil kira dua keputusan tersebut sebelum membuat selanjutnya terhadap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Morib itu.

"Masih terlalu awal untuk saya membuat keputusan kerana kesnya sedang disiasat pihak polis, jadi semua pihak perlu menghormati siasatan tersebut.

"Apapun, saya menzahirkan rasa simpati terhadap Hasnul kepada apa yang telah berlaku," katanya ketika ditemui pada Konvensyen Biasa Negeri DAP Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) semalam.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan polis daerah Kuala Langat sedang menyiasat Hasnul, susulan dakwaan beliau memukul bekas isterinya, Juliani Jalilah Abdullah.

Dalam pada itu, kertas siasatan kes tersebut akan dirujuk ke Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor minggu ini.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintenden Ahmad Ridhwan Mohd. Nor @ Saleh berkata, pihaknya akan merujuk kes berkenaan dengan Bahagian Perundangan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) untuk arahan selanjutnya.

Katanya, keterangan Hasnul, bekas isterinya dan ahli keluarga sudah diambil pihaknya sebelum ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 16 November 2021

| | | |
|--------------|---|----------------------------|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Gergasi Merah akan bangkit |
| Muka Surat | : | 46 |

Gergasi Merah akan bangkit

Oleh **SUFIAN HADI SOJAK**
 sufian.sojak@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Biar pun gagal mempamer aksi konsisten sejak akhir-akhir dan kalah pula dalam suku akhir pertama Piala Malaysia kepada Kuala Lumpur City (KL City), namun Selangor tetap memiliki 'aura' yang membolehkan mereka bangkit daripada ketinggalan.

Pernah melalui situasi di mana mereka tewas aksi pertama kemudian 'melawan' dalam perlawanan berikutnya, bekas tonggak Gergasi Merah era 90-an, Shahril Arsat yakin perkara itu tidak mustahil diulangi, apatah lagi stadium KL City di

Cheras sudah seperti 'rumah' sendiri buat Selangor.

Kelmarin, anak-anak buah Karsten Neitzel menerima tamparan hebat apabila kalah 0-2 di laman sendiri.

Kekalahan itu memaksa mereka bukan sahaja wajib menang di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Khamis ini, malah meledak lebih daripada dua gol jika mahu memburu tiket separuh akhir.

Shahril, yang juga anggota skuad *treble* Piala Malaysia 1995, 1996 dan 1997 Selangor berkata, Selangor mempunyai keunikan tersendiri setiap kali beraksi dalam kejohanan berprestij itu. "Atas kertas, saya yakin Se-

langor mampu menang sebab mereka pasukan berpengalaman dalam kancah Piala Malaysia.

"Mereka pasti tidak mahu terkandas di peringkat awal kalah mati, sekali gus memaksa Selangor untuk terus berjuang habis-habisan.

"Ketika di zaman saya, tidak ingat tahun berapa dan berdepan pasukan mana....kami pernah juga ketinggalan.

"Tetapi hanya 0-1 ketika bermain di tempat lawan.

"Bagaimanapun kami berjaya bangkit pada perlawanan kedua," katanya yang kini berusia 49 tahun ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.



AKSI pemain Selangor ketika menentang Kuala Lumpur City di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya kelmarin serba tidak menjadi. - IHSAN SELANGOR FC



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR 16 November 2021 | | |
|--|---|----------------|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | COUNCIL NOTICE |
| Muka Surat | : | 2 |

COUNCIL NOTICE

The Petaling Jaya City Council crematorium at Jalan 229 will be closed until Nov 21 for disinfection. For details, call 019-285 5400 (Mohd Zulhairi Johar).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR | | |
|-------------------------|---|--|
| 16 November 2021 | | |
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Free saplings for Bukit Gasing residents |
| Muka Surat | : | 3 |

Free saplings for Bukit Gasing residents

By **GRACE CHEN**
 gracechen@thestar.com.my

RESIDENTS in Bukit Gasing, Petaling Jaya will be given free mango and rambutan saplings to plant within their house compounds to encourage people to plant more trees.

"All they have to do is fill up our online form and take a picture of the tree after it has been planted.

"Apart from these two fruit trees, there are three other options.

"We have wild cinnamon (*Syzygium campanulatum*), tea tree (*Leptospermum brachyandrum*) and leopard tree (*Caesalpinia ferrea*)," said Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran.

Rajiv, who made the announcement at a press conference after a

tree-planting ceremony at a football field located in the housing area of Section 1, Petaling Jaya, said his office was on a mission to plant 1,000 trees within one year as part of the nationwide greening programme to plant 100 million trees by 2025.

Some RM100,000 had been allocated for this greening programme.

The cost, which will be spread out over a span of one year, will be borne by the assemblyman's office as well as the Petaling Jaya City Council (MBPJ) area councillor.

"We are working closely with MBPJ to choose the tree species as well as obtain approval on available spaces.

The council will be in charge of the maintenance of these trees

later on," he said.

A total of seven fields have been tentatively listed in the greening programme.

"We will be planting some 583 trees in these fields after obtaining approval from MBPJ.

"We are hoping Bukit Gasing residents will come forward to help us plant another 400 trees in their compounds," he said.

The first location to be part of the tree-planting programme is the football field in Section 1, where 70 buccida variegated tricolour saplings have been planted around its perimeter.

Rosita Mohd Ambia, a sales and operations executive of Follage Landscape Services, the company supplying the trees, said buccidas were popular for landscaping pur-



One of the 70 buccida saplings planted on the perimeter of the football field in Section 1, Petaling Jaya.

poses because of its aesthetic quality and ability to withstand hot and humid weather.

"Gardeners have likened their outstretched branches to the appearance of a peace sign.

"They can grow to a height of 5m

in three years and will only require pruning every half a year," she said.

Residents interested in the free tree offer can fill up the online form at <https://tinyurl.com/1000TreesBG>.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR | | |
|-------------------------|---|---|
| 16 November 2021 | | |
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Smartphone subsidy open to B40 folk in Bukit Gasing |
| Muka Surat | : | 5 |

Smartphone subsidy open to B40 folk in Bukit Gasing



Smartphone classes, which will be held tomorrow and on Nov 24, are open to all, including those residing outside Bukit Gasing.

By JADE CHAN
 jade@thestar.com.my

RESIDENTS in the B40 group in the Bukit Gasing constituency in Petaling Jaya are invited to apply for a smartphone subsidy offered by the Bukit Gasing assemblyman's office.

The applicant pays only RM100 for a phone, with the remainder subsidised by the assemblyman's office.

"We are looking at smartphones within the RM300 to RM350 per unit price range," said Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran at a press conference to announce details of the subsidy.

"They will be new smartphones with warranties. These devices are not fancy, but enough to cover basic functions and instal apps such as WhatsApp, Facebook and Grab.

"Applications will be filtered on a case by case basis, based on income and family background. Applicants will be screened individually.

"This subsidy is strictly for Bukit Gasing residents only."

He said the subsidy was targeted particularly at senior citizens in the B40 group without smartphones or outdated mobile phones.

Application for the subsidy is open now.

Family members, friends or neighbours can also nominate names and assist the application.

"This is an initiative to bridge the gap between the digitally connected and not connected," said Rajiv.

"I've seen cases where people needed smartphones but couldn't afford them, so they had to do things in person or use manual methods.

"For instance, one woman had to collect food aid from our office herself because she didn't have enough money to get a phone and couldn't call or send a message for help."

Rajiv observed that seniors who were not digitally connected were missing out on online or app-based transactions, such as online bank-

ing, e-wallet and parking payment.

They are also socially disconnected because they miss out on updates and messages posted in family chat groups, he said.

"That is why I started a smartphone class last month.

"The turnout was encouraging and the participants were keen to learn the basics," he said.

The next classes are tomorrow and on Nov 24, from 10am to noon, at MBPJ Balairaya Seksyen 17/1, Jalan 17/1A, Petaling Jaya.

Registration is free and open to all, including those residing outside Bukit Gasing.

To apply for the subsidy or to register for the smartphone class, call 011-7297 3810 (WhatsApp).

Those without smartphones can apply for the subsidy via walk-in at Rajiv's office at Pejabat ADUN Bukit Gasing, 7A, Jalan 52/8, Bandar Baru Petaling Jaya, Petaling Jaya.

It is open from 10am to 5pm, from Mondays to Fridays (except public holidays).



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR | | |
|-------------------------|---|------------------------------------|
| 16 November 2021 | | |
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Financial aid for asnaf recipients |
| Muka Surat | : | 6 |

Financial aid for asnaf recipients

Eighteen S'gor residents get assistance in joint programme between PKNS and TNB

By **AIDA AHMAD**
 aidaahmad@thestar.com.my

SELANGOR State Development Corporation (PKNS) has continued its strategic partnership with Tenaga Nasional Bhd (TNB) for the third year to assist the *asnaf* (tithe recipients) community to own comfortable homes.

Altogether, 18 recipients were the beneficiaries of this collaboration through TNB's Better Brighter Home @ Baiti Jannati programme at the state level, a CSR initiative where TNB allocated RM50,000 to each recipient to buy a new house or settle the balance of their housing loans.

Thirteen recipients were able to settle the balance of their housing loans while another five received new housing units in Kuang Raya Apartments owned by PKNS.

The programme is carried out in collaboration with PKNS where each recipient receives their own house and the purchase of basic home furniture such as wardrobe, dining table and washing machine using TNB and PKNS *zakat* (tithe) money.

TNB stakeholders affairs Selangor/Kuala Lumpur/Putrajaya/Cyberjaya (regulatory and stakeholder management division) general manager Ahmad Rezahan Mohammad said the Baiti Jannati programme involved repair work and construction of new homes, or financing the purchasing of homes



(From left) Idris and Ahmad Rezahan handing over a mock key to recipient Salmah Awang of TNB's and PKNS' Better Brighter Home @ Baiti Jannati programme in Shah Alam.

for the poor which includes single mothers, the elderly and the urban and rural poor (the lower income group or B40).

"Since its introduction in 2007, 879 houses have been repaired, rebuilt or financed for purchase throughout the peninsula at a cost of more than RM39.2mil.

"The source of funds for the implementation of this project is using *zakat* money from TNB's annual business returns by the State Islamic Religious Council.

"The programme also ran throughout last year but as a result

of the Covid-19 pandemic that hit our country, we had to postpone the handover ceremony to this year.

"Everything went smoothly as a result of PKNS' joint efforts," he said at the handover ceremony of mock keys and food baskets at Dewan Aster in PKNS headquarters in Shah Alam.

Also present was PKNS chief corporate officer Idris Ishak.

Ahmad Rezahan said under this project at the state level, a total of 45 recipients had benefited and in 2021, the total value amounted to

more than RM2.5mil.

"This is the third year that TNB has established cooperation with PKNS.

"Five *asnaf* recipients were selected for home ownership through financing of People's Housing Project (PPR) units managed by PKNS.

"Meanwhile, last year, TNB financed 13 homes for selected *asnaf* recipients," he said.

Idris said PKNS appreciated TNB's continuous cooperation for the third year in a row which had resulted in the 18 families being

able to enjoy new and more comfortable homes.

Idris also thanked Selangor Zakat Board that has helped PKNS in implementing various CSR initiatives.

Meanwhile, one of the recipients Mohd Ali Lajis, 71, a taxi driver and widower, appeared emotional after receiving a mock key to his new home. "I felt sad that I could not afford a home of my own, but with the help of PKNS and TNB, I am so grateful that I have a new home. I thank the Zakat Department too," he said.

Single mother of three Tan Yok Ruan, 34, who recently converted to Islam, said she was equally grateful after receiving her mock key to her new home.

"Before this, I was renting a unit in Selayang and selling food for deliveries to earn a living. It was difficult to earn and pay rent. Now I am thankful that I have a home," she said.

Unemployed Md Rabiee Mokhtar, 45, a father of six, said because of his high blood pressure and heart condition, he could not continue to earn a living as a personal driver.

"I will get well and go back to work soon, but I'm grateful to PKNS and TNB for my new home under this programme.

"There are so many people in the *asnaf* community who need help. I hope this programme will continue in the years to come," he added.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR 16 November 2021 | | |
|--|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | 'Delay in CPTPP ratification has cost us' |
| Muka Surat | : | 8 |

'Delay in CPTPP ratification has cost us'

THE delay in ratifying the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) has resulted in an "opportunities loss" for the nation, says Datuk Seri Mohd Azmin Ali.

"Almost five years have passed since the implementation of the CPTPP, where Malaysia lost the opportunity to benefit from the agreement owing to the ratification which has yet to be completed," the International Trade and Industry Minister said when wrapping up his ministerial replies on Budget 2022 in the Dewan Rakyat yesterday.

He said efforts to ratify the trade agreement were expected to be completed by the third quarter of next year at the latest.

At present, he said, Malaysia was accorded observer status and did not have any right to block any decision made with regards to enforcement of the agreement.

The CPTPP was signed by 11 nations, including Malaysia, in 2018. The agreement is currently enforced by Australia, Canada, Japan, New Zealand, Mexico, Peru, Singapore and Vietnam.

Azmin said that among its benefits were access to a wider market, which was expected to grow since the United Kingdom, China and Taiwan were now new members of the trade pact.

And because Malaysia has not ratified the agreement, he added that Malaysian goods were presently not entitled to preferential treatment if exported to Canada, Mexico and Peru.

He cited Vietnam as an Asean nation that has benefited from the CPTPP.

"Vietnam saw exports increase by 8% or US\$34.3bil (RM142.7bil) in 2019 compared to the year before," he said.

Azmin added that Vietnam also saw US\$9.2bil (RM38.3bil) in direct investments from CPTPP nations or 24% of the nation's foreign investment for 2019.

He also assured MPs that ratification would not prejudice the special rights of bumiputra, and there were exceptions given with regards to bumiputra rights under the CPTPP.

Among them, Azmin said were government procurement, subsidies and the issuance of licences and special permits.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
15 November 2021

| | | |
|--------------|---|---|
| Akhbar | : | Traxx FM (90.3) |
| Tajuk Berita | : | Selangor International Business Summit 2021 |
| Muka Surat | : | - |



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR 15 November 2021 | | |
|--|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | Ng Sze Han encourages city councillors to provide medicine and aid to schools |
| Muka Surat | : | 3 |

黄思汉鼓励市議員 提供醫藥和校園援助

(雪邦14日讯) 眼看人民对食物篮需求减少, 掌管雪州地方政府、公共交通以及新村发展事务的行政议员黄思汉, 鼓励市議員提供医药和校园援助, 以减轻居民的负担, 适当配合“返回校园”的主要需求。

“雪州已转入复苏第4阶段, 人民多已回到工作岗位, 学生也返回校园, 医药和教育相关方面的援助是迫切需要, 也可以适当减轻人民的生活负担。”

他日前在哥打华丽山庄再循环中心, 发放50份计算机和圆规套件给当地在籍中五考生, 这么指出。

以上活动由哥打华丽山庄区雪邦市議員顏志輝主导举办; 超出百名学生受惠, 发放物品价值1万令吉。

除了文具, 当局也发放逾50份价值100令吉的礼券给受惠学生购买校服校鞋等学校用品。

当局还赠送藤球、篮球、足球、象棋和弹珠康乐棋等康乐运动器材给戒毒所, 希望会员们开创健康人



■发价值100令吉的返回校园礼券给3位学生。
 ■嘉玛鲁汀(左4起)、黄思汉和顏志輝, 頒

生, 更准备就绪向需要协助的学校伸出援手。

出席活动者有雪邦皇室成员代表兼

雪邦市議員登姑嘉玛鲁汀及雪邦市議員黃耀亮等。